

Orang-orang Bakhtiar



Orang-orang Bakhtiar yang berwarna-warni ini berjumlah di antara 750,000 – 1,000,000 orang dan mendiami bahagian Barat Daya Iran di daerah pergunungan Gunung Zagros yang indah. Wilayah Chahar Mahal terdiri daripada dataran, gunung-ganang yang bersalji, lembah-lembah, sungai-sungai dan juga kawasan perhutanan

yang tebal. Ia merupakan habitat bagi harimau bintang, kambing biri-biri dan juga beruang, dan terdapat pohon-pohon pistachio, almond, walnut, pelam dan ash bertumbuh liar di sini. Orang Bakhtiar dibahagikan kepada suku-suku, sub-suku dan puak-puak. Lebih kurang separuh daripada orang-orang ini mengekalkan cara hidup tradisi iaitu menggembala bagi kaum lelaki manakala kaum wanita menenun permaidani dan menjadi suri rumahtangga. Yang lain melibatkan diri dalam pertanian dan berbagai kegiatan perniagaan.

Kaum wanita Bakhtiar menikmati kebebasan di dalam budaya patrilineal (keturunan mengikut salasilah keluarga bapa/lelaki) ini. Pakaian tradisi mereka adalah sket panjang yang labuh, blaus dan skaf kepala yang semuanya berwarna-warni. Selama beribu-ribu tahun, mereka telah melakukan perjalanan selama 4-6 minggu setiap tahun pada musim bunga, berpindah dari tempat kediaman musim sejuk di Khuzistan ke padang-padang musim panas di daerah Chahar Mahal di barat daya Esfahan. Orang lelaki, wanita, kanak-kanak dan juga haiwan



mereka – beribu-ribu jumlahnya, mengembara melalui daerah pergunungan yang paling sukar direntasi di Iran untuk mencari padang rumput bagi binatang-binatang ternakan mereka.

Bahasa Bakhtiar digunakan di antara generasi-generasi yang berlainan di rumah dan juga dalam perniagaan, tetapi ramai orang Bakhtiar juga bertutur dalam Bahasa Parsi. Terdapat lebih kurang 350,000 orang yang hanya menutur bahasa Bakhtiar, terutamanya di kalangan orang tua-tua dan juga kaum wanita.

Seperti kebanyakan orang Iran, bangsa Bakhtiar adalah penganut Islam Syi'ah. Terdapat segelintir gereja kelompok sel yang sangat kecil dan juga beberapa orang yang percaya di rantau ini. Tambahan pula, terdapat sebilangan kecil orang Bakhtiar yang percaya di tempat-tempat tertentu di sekitar dunia. Kerja menterjemahkan Alkitab ke dalam bahasa mereka telah bermula di negara yang lain.

BAHAN-BAHAN DOA:

- Agar Tuhan melembutkan hati orang-orang Bakhtiar terhadap orang-orang percaya supaya mereka lebih terbuka terhadap Injil
- Berdoalah bagi perkembangan bahan pelayanan dan kaedah yang sesuai di dalam Bahasa Bakhtiar termasuk: terjemahan Alkitab, siaran radio dan filem "Yesus".
- Berdoalah agar penutur bahasa Bakhtiar yang sudah percaya akan membina kemahiran



pelayanan yang kukuh dan menjadi lebih berkesan dalam penjangkauan mereka.

INJIL BAGI BANGSA-BANGSA

Yesus telah memberitahu kita bahawa Injil akan diberitakan ke semua bangsa sebelum akhir zaman ini (Mt 24:14). Di dalam bahasa Yunani, perkataan bangsa di dalam teks adalah “ethnos”, yang berhubung kait dengan perkataan bahasa Inggeris

ethnic, seperti dalam “kumpulan ethnic”. Kumpulan-kumpulan ini mempunyai nenek moyang, sejarah, bahasa dan adat resam yang sama.

Terdapat lebih daripada 245 kumpulan ethnic beragama Islam yang mempunyai lebih dari 100,000 orang, yang

Agama: Kumpulan Ethnik Sedunia		
<i>Kristian</i>	5,923	37%
<i>Islam</i>	3,109	20%
<i>Agama Ethnik</i>	2,963	19%
<i>Hindu</i>	2,324	15%
<i>Buddha</i>	481	3%
<i>Lain-lain</i>	887	6%
<i>Jumlah</i>	15,687	99%

langsung terabai dan tidak mem

punyai sesiapa pun yang terlibat dalam memberitakan Injil kepada mereka.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

